



MAJLIS BANDARAYA IPOH

NOTIS SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA	KOD BIDANG / KELAYAKAN	TARIKH IKLAN/JUAL /HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK	TARIKH/MASA TUTUP & LOKASI PENGHANTARAN
1.	<u>NO. SEBUTHARGA</u> S0123/25 <u>NO. RUJUKAN</u> F5/9/1/19/2025 <u>TAJUK</u> PROGRAM BANDAR SELAMAT TAHUN 2025 - CADANGAN PEMASANGAN LALUAN PEJALAN KAKI, RAILING DAN BOLLARD SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI SEBAHAGIAN JALAN JELAPANG, IPOH.	(BUMIPUTERA) <u>GRED</u> G2 KATEGORI: CE PENGKHUSUSAN: CE21	<u>TARIKH IKLAN</u> 26 JUN 2025 (KHAMIS) <u>TARIKH JUAL</u> 26 JUN 2025 (KHAMIS) <u>TARIKH AKHIR PEMBELIAN</u> 3 JULAI 2025 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAH MALAM <u>HARGA DOKUMEN</u> RM80.00 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN) LAYARI LAMAN SESAWANG MAJLIS BANDARAYA IPOH https://myperolehan.mbi.gov.my.	-TIDAK BERKAITAN-	<u>TARIKH TUTUP</u> 4 JULAI 2025 (JUMAAT) <u>MASA</u> 12:00 TENGAH HARI <u>LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUTHARGA</u> PETI TENDER/ SEBUT HARGA TINGKAT 1, UNIT PEROLEHAN, MAJLIS BANDARAYA IPOH
JIKA TERDAPAT LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK :-					
- HANYA PENAMA DI DALAM LESEN SAHAJA YANG LAYAK MENGHADIRI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK; - SEMUA PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMBAWA <u>COP SYARIKAT DAN SIJIL-SIJIL BERKAITAN SEMASA SESI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK</u> - HANYA PENYEBUT HARGA YANG HADIR LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK SAHAJA BOLEH MENYERTA DAN MEMBELI SEBUTHARGA INI.					

2. Pendaftaran pembekal dan pembelian dokumen sebutharga dengan Majlis Bandaraya Ipoh perlu dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>. Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan dibukukan/ didokumentasikan. Bayaran pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan. **Proses pembelian dokumen sebut harga dan memuat turun dokumen akan ditutup pada 3 JULAI 2025 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAH MALAM. KEGAGALAN BERBUAT DEMIKIAN, SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN.**

3. Naskah Meja Dokumen Sebutharga boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>.

4. Dokumen Sebutharga hanya dijual kepada syarikat dengan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB serta masih sah lakunya, 60 hari dari tarikh mula iklan.

5. Surat Kelulusan Kebenaran Khas CIDB bagi pengkhususan yang tidak didaftarkan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

6. Penyebut harga mestilah tidak mempunyai sebarang **tunggakan (cukai taksiran / kompaun / sewaan / semak-samun / pelbagai tunggakan lain)** dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya Penyebut harga mempunyai tunggakan, pembayaran boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://d.mbi.gov.my>. **Diingatkan pembayaran hanya akan diproses dalam tempoh 1-3 hari bekerja.**

7. Semua dokumen sebutharga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri, ditulis tajuk dan nombor sebutharga berkenaan di penjurong kiri hadapan serta dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender/Sebut Harga di Tingkat 1, Unit Perolehan, Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Ipoh**.

8. Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebutharga yang tidak terdapat di dalam Peti Sebutharga/Sebut Harga setelah Peti Sebutharga/Sebut Harga dibuka.

9. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan**.

SURIANI BINTI ISMAIL
PENGARAH UKUR BAHAN & PEROLEHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH

MOHD SHAHRIN BIN NORDIN
JURUUKUR BAHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH